

27 JUL 1999

Ibrahim-IPT

PELAJAR IPT MESTI TUMPU PADA PELAJARAN, JANGAN SILAP PILIH IDOLA

Oleh: Mohd Nasir Yusoff

GENTING HIGHLANDS, 27 Julai (Bernama) -- Seorang pakar pendidikan berkata pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) perlu sedar bahawa mereka merupakan segelintir yang beruntung dapat melanjutkan pelajaran ke universiti dan mesti menumpukan sepenuh perhatian terhadap pelajaran.

Pengarah Institut Aminuddin Baki (IAB) Datuk Dr Ibrahim Ahmad Bajunid berkata hakikat bahawa mereka terdiri daripada sebilangan kecil sahaja, daripada penduduk dunia yang berjumlah enam bilion orang, yang berpeluang melanjutkan pelajaran tinggi mestilah dihargai.

"Sebarang hujah kononnya mereka melibatkan diri dengan parti politik kerana tidak mahu menara gading terpisah daripada masyarakat umum adalah tidak betul dan cuma memesongkan fokus mereka daripada pelajaran," katanya kepada Bernama dalam temubual sempena persaraan beliau di IAB hari ini.

Dr Ibrahim merupakan tokoh akademik hampir 32 tahun yang mengabdikan diri untuk kemajuan bidang pendidikan tanah air sejak memperolehi B.A (Hons) dari Universiti Malaya pada 1967. Beliau memperolehi doktor falsafah pengurusan pendidikan dari Universiti Harvard pada 1990.

Beliau berkata para pelajar IPT tidak seharusnya tersilap fokus semasa masih menuntut.

Ketika diminta mengulas kecenderungan pelajar IPT melibatkan diri dengan parti politik khasnya parti pembangkang, beliau berkata kecenderungan itu pernah berlaku sebelum ini.

"Dari satu segi, sememangnya pelajar digalakkan menjadi matang tentang urusan pemerintahan negara... kita latih pelajar jadi pemimpin tetapi kita tak mahu dia abaikan pelajaran sebab dia masuk universiti," katanya, yang berulang kali menegaskan tugas pelajar adalah terhadap pelajaran.

Ibrahim, 55, yang akan bersara wajib Khamis ini, berkata pelajar IPT boleh menggunakan baki ruang yang lain untuk membangunkan potensi diri mereka tetapi kalau mengetepikan pelajaran untuk tujuan lain, besar kemungkinan mereka mendedahkan diri untuk diperalatkan.

"Apa juga hujah (untuk mewajarkan penglibatan mereka dengan parti politik) adalah tidak betul kerana yang betulnya ialah mereka mesti belajar dan bangunkan diri," katanya.

Bapa kepada empat anak itu, yang berhasrat melanjutkan lagi pelajarannya selepas persaraan ini, berkata banyak cara membangunkan diri di luar kampus dan tidak semestinya melibatkan diri dalam politik.

"Ada banyak NGOs (pertubuhan bukan kerajaan), ada persatuan sukarela yang bergerak untuk basmi kemiskinan, mencegah itu dan ini yang boleh mendekatkan mereka secara berguna kepada masyarakat," katanya.

Ibrahim, yang lebih 20 tahun berkhidmat dengan IAB iaitu sejak penubuhan IAB pada 1979 dan secara kebetulannya juga mempunyai singkatan nama IAB, terlibat dalam perkembangan kurikulum dan pengajaran dalam semua program latihan utama di IAB seperti kursus-kursus pengurusan pendidikan untuk para pengetua.

Beliau juga mengingatkan para pelajar IPT jangan mencari dan mengkagumi sesorang individu sebagai idola tetapi seharusnya mencari "teman jiwa profesional".

Menjelaskan perkara itu, katanya, teman jiwa pelajar IPT seharusnya berlandaskan ilmu dari kalangan pemikir agung yang menjelaskan dan mematangkan pemikiran mereka dan tidak idola yang akan mempergunakan dan memanipulasikan mereka.

"Idola biasanya hanya seorang "celebrity" dan bukannya pemimpin kerana

idola tidak mempunyai agenda untuk kepentingan bangsa dan negara yang melewati kepentingan lain.

"Banyak pelajar dimanipulasi... sehingga tak faham tentang 'fallacy in thinking' (kepalsuan dalam pemikiran)," katanya, yang menambah bahawa pemimpin yang memerdekakan pemikiran bangsalah yang sepatutnya menjadi hero mereka.

"Bila cakap pasal (pemecatan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri) Anwar (Ibrahim) dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad... bagi mereka ini hitam, ini putih.

"Masuk belah ni, lawan belah ni.... tak boleh nampak... cakap pasal politik, dia tak faham bahawa ada sejarah sebalik politik, bahawa ada isu ekonomi. Mereka tak nampak complexities of issues (kerumitan isu). Dia nampak hitam putih sahaja," katanya.

Ibrahim berkata yang terjadi sekarang ialah kebanyakannya hanya "emotional reasoning", dan bukan "objective, well-informed reasoning".

Beliau tidak menafikan bahawa ini akan menjadi satu hambatan bagi Malaysia dalam usaha mencapai taraf Negara Maju pada tahun 2020.

-- BERNAMA

MNY NAK